



**SURAT EDARAN PENTADBIRAN
BILANGAN 6 TAHUN 2019**

**MAJLIS IFTAR 1440H
BERSAMA
TUAN YANG TERUTAMA TUN CANSOLOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Pejabat Pendaftar
8 Mei 2019 | 3 Ramadan 1440H

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)
Pegawai-Pegawai Kanan
YDP Majlis Perwakilan Pelajar

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.02.14.03/100-3/2/3 (15)

8 MEI 2019
3 RAMADAN 1440H

SURAT EDARAN PENTADBIRAN BIL. 6/2019

MAJLIS IFTAR 1440H BERSAMA TUAN YANG TERUTAMA TUN CANCELOR UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Teknikal Malaysia Melaka akan menganjurkan Majlis Iftar Bersama Tuan Yang Terutama Tun Canselor, Universiti Teknikal Malaysia Melaka 1440H seperti ketetapan berikut:-

Tarikh : 13 Mei 2019 Bersamaan 8 Ramadan 1440H
Masa : 5.30 Petang hingga 10.00 Malam
Tempat : Masjid Sayyidina Abu Bakar,
Kampus Induk, UTeM

2.0 Majlis di atas adalah majlis rasmi Universiti dan setiap staf adalah **DIMESTIKAN** hadir. Bagi meningkatkan hubungan silaturahim dan kekeluargaan, staf dialu-alukan membawa keluarga bersama bagi meraikan majlis ini. Ketua Pusat Tanggungjawab hendaklah memastikan setiap staf yang berada di bawah seliaan masing-masing hadir di majlis ini. Staf perlu merekodkan kehadiran sebelum dan setelah selesai majlis di masjid.

3.0 Oleh yang demikian, pihak Pengurusan Universiti ingin memaklumkan bahawa waktu bekerja pada tarikh **13 Mei 2019** akan ditamatkan lebih awal iaitu pada jam 3.00 petang. Keputusan Universiti ini adalah bagi membolehkan staf dapat membuat persiapan sewajarnya untuk menghadiri majlis tersebut.

4.0 Seperkara yang berkaitan, kehadiran staf ke majlis ini adalah sebagai tanda sokongan kepada pihak Universiti di samping menghormati kehadiran tetamu-tetamu penting yang turut hadir ke majlis.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



MASDZARIF BIN MAHAT

Ketua Pegawai Operasi

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

ATUR CARA
MAJLIS IFTAR 1440H BERSAMA TYT TUN CANSOLOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Tarikh : **13 Mei 2019 bersamaan 8 Ramadan 1440H (Isnin)**
Tempat : **Masjid Sayyidina Abu Bakar, Kampus Induk UTeM**

- | | |
|-------------|--|
| 5.30 petang | - Para Jemputan Mengambil Tempat |
| 5.50 petang | - Ketibaan Pegawai-Pegawai Kanan UTeM |
| 6.00 petang | - Ketibaan Ahli Lembaga Pengarah UTeM |
| 6.10 petang | - Ketibaan Naib Canselor UTeM dan Isteri |
| 6.20 petang | - Ketibaan Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM dan Isteri |
| 6.30 petang | - Ketibaan Pro-Canselor UTeM dan Isteri |
| 6.40 petang | - Ketibaan Ketua Menteri Melaka dan Isteri |
| 7.00 petang | - Ketibaan Canselor UTeM |
| | Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Dr. Mohd Khalil bin Yaakob dan Y.A.Bhg. Toh Puan Dato' Datin Seri Utama Hajah Zurina binti Kassim |
| 7.10 petang | - Bacaan Doa |
| 7.16 petang | - Azan Maghrib dan Berbuka Puasa |
| | - Solat Maghrib Berjemaah |
| | - Jamuan Ramadan |
| 8.15 malam | - Ucapan Alu-aluan Oleh:
Academician Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, FASc
Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM |
| | - Penyerahan Sumbangan Ihya' Ramadan |
| 8.29 malam | - Solat Isyak, Solat Sunat Tarawih dan Sunat Witir |
| 10.00 malam | - Moreh |
| | - Tuan Yang Terutama Tun Canselor UTeM dan Y.A.Bhg. Toh Puan meninggalkan majlis |
| | - Bersurai |

Pakaian : Baju Kebangsaan

